

# Berjuta \$ untuk membaiki sekolah2 di desa: Mahathir

B H-1 MAC 1975

MELAKA, Jumaat.

**K**EMENTERIAN Pelajaran akan membelanjakan berjuta-juta ringgit dalam projeknya membangun semula dan melengkapkan sekolah-sekolah di kawasan luarbandar.

Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamed memberitahu hari ini, orang ramai telah mengadu kepadanya bahawa sekolah-sekolah di luarbandar tidak dipedulikan.

Mengenai perabot sekolah yang pecah dan sudah usang beliau men-

sifatkannya sebagai masalah yang terdapat dalam semua sekolah di negara ini terutama di luarbandar.

Dr. Mahathir memberitahu demikian kepada para pemberita selepas melawat Sekolah Rencah Kebangsaan Bukit China di sini.

## Sikap ibubapa

"Pihak Kementerian Pelajaran akan berusaha sedaya upaya mengatasi masalah tersebut," katanya.

Beliau menyatakan pihaknya sedang menyusun rancangan menggantikan perabot sekolah yang pecah dan tidak boleh digunakan lagi.

Dr. Mahathir menjejaskan polisi beliau tidak membelanjakan banyak wang untuk projek-projek mahal tetapi memberi kemudahan yang cukup kepada sekolah-sekolah terutama di luarbandar.

Sementara itu, ketika berucap dalam perjumpaan dengan ahli UMNO di sini malam tadi, beliau menegur sikap setengah ibubapa yang menganggap tugas mereka hanya menghantar anak-anak ke sekolah dan menjadi tanggungjawab guru-guru mendidik mereka.

"Pandangan seperti itu adalah salah dan ibubapa yang bersikap demikian mestilah mengu-

bah cara pemikiran mereka," tegasnya.

Dr. Mahathir menyatakan pihak ibubapa tidaklah boleh melepaskan tanggungjawab mendidik anak kepada guru-guru sahaja.

Beliau memberitahu demikian ketika berucap kepada ahli Biro Pelajaran UMNO Banting Batu Berendam dan UMNO Bandar Melaka di Dewan MCA malam tadi.

Walaupun Kementerian Pelajaran telah menguntukkan \$1,200 juta tahun ini tapi itu masih tidak mencukupi bagi menyclaraskan rancangan-rancangan pelajaran di negara ini," katanya.

## Pusat daftar

Beliau menegaskan pihak Kementerian Pelajaran masih memerlukan \$4,000 juta untuk rancangan itu.

Dr. Mahathir berkata, "Langkah-Langkah sedang diambil untuk menubuhkan Pusat Pendaftaran Guru-guru dalam Kementerian Pelajaran dan ia bertujuan mengatasi masalah ke mana guru-guru patut dihantar bertugas."

Pusat tersebut untuk semua guru termasuk guru-guru sementara.

Beliau seterusnya menyeru para guru jangan membuat tuntutan yang boleh menimbulkan berbagai masalah.

## Tuntutan

Katanya, "Tuntutan-tuntutan yang dikemukakan oleh guru-guru hendaklah menasabah dan sesuai dengan dasar Kerajaan."

Mengenai perlantikan guru besar, beliau menjelaskan pihak Kementerian terpaksa mengutamakan seseorang itu dari segi pengalaman dan tanggungjawab.

Dr. Mahathir memberitahu masalah guru besar gred C dan gred B yang berkelulusan sama tetapi menerima tanggagaji yang berlainan tidak patut dihebohkan lagi.

"Perlantikan guru besar berdasarkan pengalaman seseorang guru itu, bukannya kelulusan mereka," tegasnya.